



Headline: Perlu bijak, cerewet hadapi jenayah siber
Publication/Portal: Kosmo
Date: 5 July 2019

Language: Malay
Section: Negara
Page: 10

Perlu bijak, cerewet hadapi jenayah siber

RM40.7 juta! Itu jumlah kerugian penipuan e-kewangan yang direkodkan di seluruh negara bermula Januari hingga Mei tahun ini.

Angka itu didedahkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail pada majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) di Shah Alam baru-baru ini.

Lebih menggerunkan kata Wan Azizah, jumlah itu melebihi kerugian keseluruhan sebanyak RM40.5 juta yang dicatat sepanjang tahun lalu.

Sekiranya dihitung secara mudah, kerugian sebanyak RM40.7 juta itu boleh digunakan untuk membeli 407 unit rumah pangsupuri berharga RM100,000 dengan keluasan hampir 700 kaki persegi atau 65.03 meter persegi.

Bagi seorang kerani yang berpendapatan RM2,000 sebulan, dia memerlukan 20,350 bulan untuk mengumpul RM40.7 juta, berbanding sindiket yang hanya memerlukan lima bulan.

Naib Pengerusi MCPF, Kamal Affandi Hashim berkata, kejadian itu berlaku apabila jenayah kuno dalam sejarah peradaban manusia masih berleluasa di zaman 2019 iaitu penipuan.

Katanya, penjenayah kini semakin kreatif dengan menganggap mereka lebih bijak dan orang ramai menjadi bodoh.

"Justeru, perkara ini tidak boleh dibenarkan dengan membiarkan penjenayah memenangi pertarungan dan menindas kita dengan menipu sehingga kerugian jutaan ringgit.

"Dari segi modus operandi, penjenayah cuma berevolusi dengan menyatakan diri mereka dari Jabatan Imigresen, Kastam dan Bank Negara berbanding Polis Diraja Malaysia (PDRM)," katanya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Beliau turut memberitahu, sindiket penipuan berasaskan siber sukar untuk dibanteras kerana ia melibatkan hati dan perasaan berbanding jenayah ancaman fizikal.

Ujarnya, apabila seseorang jatuh hati atau tergoda pujukan



Penjenayah kini semakin kreatif dengan menganggap bahawa mereka lebih bijak dan orang ramai menjadi bodoh

ayat-ayat manis contohnya daripada pelaku jenayah siber, maka tiada kuasa dapat melenturkan kehendak mangsa bagi mengikuti segala permintaan daripada pelaku siber ini.

"Begitu juga dengan seseorang yang dikuasai perasaan takut kononnya mereka akan diambil sehingga terpedaya hasutan penjenayah.

"Apabila ini terjadi, jendela jenayah akan terbuka diikuti keazaman yang tinggi oleh penjenayah bagi mencapai objektif utamanya iaitu menipu untuk keuntungan," jelasnya.

Kamal menegaskan, pihaknya tidak menolak kemungkinan wujud sindiket penjualan data peribadi dalam jenayah siber sehingga membuka lebih ruang kepada penipuan.

Namun katanya, masyarakat juga seharusnya lebih peka dalam membaca surat perjanjian dengan mana-mana pihak yang ingin berkongsi maklumat peribadi.

"Mangsa sindiket jenayah siber ini biasanya terdiri daripada pelajar sekolah, penuntut universiti, pesara kerajaan dan golongan profesional yang dipilih secara rawak atau khusus.

"Bagaimanapun, persamaan semua mangsa adalah mereka mempunyai masa melayan panggilan contohnya sehingga 40 minit bagi mendengar pene-

rangan sindiket itu sehingga tertipu dengan menyerahkan wang secara sukarela," katanya.

Justeru, beliau bersetuju sekiranya terdapat mana-mana cadangan daripada pihak berkuasa

dalam menambah baik bentuk hukuman terhadap pelaku siber.

Perkara penting perlu dimasukkan dalam klausa mana-mana undang-undang adalah cara mendapatkan balik wang mangsa.

"Penjenayah sindiket penipuan ini termasuk dalang dan pembantunya juga harus dihukum lebih berat selain mempertimbangkan untuk merampas atau melupuskan apa-apa harta milik penjenayah seperti kereta, akaun dan rumah," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam, Datuk Dr. Jacob George menjelaskan, jumlah kerugian sebanyak RM40.7 juta menunjukkan tahap kesedaran masyarakat negara ini masih rendah atau lebih mudah mereka bersikap sambil lewa.

Katanya, pihaknya sendiri menerima sebanyak 40 aduan setiap bulan dengan kebanyakan melibatkan penipuan pelaburan.

"Siasatan awal pihaknya mendapati masalah itu berlaku susulan sikap tamak dan ingin cepat kaya," katanya.

Jacob memberitahu, sekiranya kita boleh peka atau berhati-hati ketika membeli barangan di pasar raya contohnya dari segi harga, logo syarikat, logo halal dan tarikh luput, mengapa tidak dalam pelaburan alam maya ini.

"Justeru, kita perlu menjadi pengguna yang bijak dan lebih cerewet dengan melakukan semakan bagi mengelak menjadi mangsa penipuan," jelasnya.